

**SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG JURUUKUR BAHAN**

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEJURUTERAAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
GRED JAWATAN : JA5, JA6, JA7, JA8
TARIKH KUAT KUASA : 1 DISEMBER 2024

- | | |
|---|--|
| SYARAT LANTIKAN | <ol style="list-style-type: none"> 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> (a) (i) Sijil Ukur Bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00); atau (ii) Diploma Ukur Bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM2,055.00). |
| SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU | <ol style="list-style-type: none"> 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. |
| PROGRAM TRANSFORMASI
MINDA/PEPERIKSAAN | <ol style="list-style-type: none"> 3. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan. |
| PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN | <ol style="list-style-type: none"> 4. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah: <ol style="list-style-type: none"> (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| KENAIKAN PANGKAT KE
GRED JA6 | <ol style="list-style-type: none"> 5. Penolong Juruukur Bahan Gred JA5 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Juruukur Bahan Gred JA6 yang kosong apabila telah: <ol style="list-style-type: none"> (a) disahkan dalam perkhidmatan; (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| KENAIKAN PANGKAT KE
GRED JA7 | <ol style="list-style-type: none"> 6. Penolong Juruukur Bahan Gred JA6 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Juruukur Bahan Gred JA7 yang kosong apabila telah: <ol style="list-style-type: none"> (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |

**KENAIKAN PANGKAT KE
GRED JA8**

7. Penolong Juruukur Bahan Gred JA7 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Juruukur Bahan Gred JA8 yang kosong apabila telah:
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN KE
JAWATAN JURUUKUR BAHAN
GRED J9**

8. Penolong Juruukur Bahan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Juruukur Bahan Gred J9 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penolong Juruukur Bahan yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016).